

24 JUL 2000

Mahathir-Al Ma'unah

AL-MA'UNAH SALAH ANGGAP APABILA MEROMPAK KEM TENTERA, KATA DR M

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketua kumpulan Al-Ma'unah beranggapan tindakannya merompak senjata di dua kem tentera di Perak akan menjadi pemangkin untuk menimbulkan kekacauan dalam negara dan seterusnya menjatuhkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, Mohd Amin Mohd Razali berani berbuat demikian kerana tersalah anggap bahawa ramai rakyat Malaysia sudah bersedia untuk bangun menjatuhkan kerajaan.

"Seperti dia lihat di negara lain rakyat merusuh hari demi hari, maka kerajaan jatuh dan inilah harapan dia," katanya ketika ditanya mengenai kenyataan guru Amin di Indonesia, Abbas Bakir.

Abbas dipetik oleh akhbar Utusan Malaysia hari ini sebagai berkata, yang bekas anak muridnya itu adalah pengkhianat kerana mencemar nama baik pertubuhan itu selain mengamalkan ilmu hitam dan ajaran sesat.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas berdialog dengan kira-kira 150 wakil pertubuhan wanita di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata apa yang diinginkan oleh Amin itu tidak menjadi kenyataan kerana rakyat Malaysia tidak berminat untuk membuat kekacauan dan menjatuhkan kerajaan sebagaimana dihajatkan oleh Amin.

Kumpulan yang diketuai Amin merompak senjata di dua kem tentera di Gerik, Perak pada 2 Julai lepas sebelum berkubu di Sauk, dekat Kuala Kangsar dan mereka membunuh dua anggota keselamatan sebelum menyerah diri lima hari kemudian.

Dr Mahathir berkata, beliau diberitahu bahawa ajaran yang dibawa Amin di Malaysia bertentangan dengan ajaran gurunya di Indonesia yang bertujuan membuat perkara baik dengan pertolongan Allah.

"Amin jelas mempunyai niat tak baik, tak ikut Al Ma'unah di Indonesia. Buat ajaran sendiri yang berpusat pada personal cult," katanya.

Dr Mahathir berkata Amin menganggap dirinya sebagai seorang yang luar biasa iaitu kebal dan boleh membuat segala-galanya, termasuk mengalahkan berpuluh-puluh musuh.

"Pita video yang ditemui di pejabat mereka menunjukkan bagaimana orang hendak serang (Amin) tak boleh sampai. Ini timbulkan khayalan pada dirinya, dia buat begitu dengan kepercayaan pengikut-pengikut akan rasa kagum terhadap kebolehannya," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata, pada masa yang sama, Amin percaya dirinya kebal dan boleh mengambil tindakan yang mendedahkan dirinya kepada bahaya ditembak dan dibunuh.

-- BERNAMA

AR PR